A

PEMBEKAL P&B SDN BHD

lwn.

PP

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
AKHTAR TAHIR H
[RAYUAN JENAYAH NO: 41S-156-07-2013]
15 OKTOBER 2014

C ***UNDANG-UNDANG BURUH:*** *Keselamatan sosial - Pertikaian - Kegagalan membayar caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial - Sama ada wujud perhubungan majikan dan pekerja - Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, s. 94(a)*

D Tertuduh telah dituduh di Mahkamah Majistret atas satu kesalahan di bawah s. 94(a) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ('Akta') kerana gagal membayar kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial, caruman bagi pekerjanya, Mohd Hatta ('SP1') bagi bulan Mac, April dan Mei 2009. Tertuduh menghujahkan bahawa SP1 E bukanlah pekerja tertuduh tetapi kontraktor bebas yang tidak mempunyai perjanjian memberikan perkhidmatan kepada tertuduh. Majistret memutuskan bahawa SP1 adalah 'pekerja' setelah mengambil kira terma-terma kontrak antara SP1 dan tertuduh dan keterangan lisan SP1 di mahkamah. Oleh itu, rayuan ini oleh tertuduh terhadap sabitan dan hukuman.

F

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) Pra syarat untuk pembayaran caruman adalah bahawa perlu ada perhubungan majikan dan pekerja. Majistret mendapati G bahawa terdapat unsur kawalan oleh tertuduh ke atas SP1 dan telah mengambil kira ujian-ujian lain seperti ujian integrasi dan organisasi, ujian keusahawanan dan ujian pelbagai untuk mencapai keputusan bahawa SP1 adalah seorang 'pekerja'. (perenggan 3 & 9)

H

(2) SP1, oleh itu, adalah 'pekerja' bagi tujuan pembayaran caruman dan tertuduh telah gagal membayar caruman seperti yang dikehendaki oleh Akta dan oleh itu, telah melakukan satu kesalahan seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan. Hukuman yang dikenakan terhadap tertuduh adalah wajar dan tidak perlu I diganggu. Seksyen 94A Akta membolehkan mahkamah membuat perintah bahawa segala tunggakan caruman kepada jabatan perlu dibayar hasil dari sabitan ke atas tertuduh. (perenggan 10-12)

Kes-kes yang dirujuk:
Great Eastern Mills Bhd v. Ng Yuen Ching & Ors [1998] 3 CLJ 847 HC ***(dirujuk)***
PP v. Kats Cleaning Services (S) Sdn Bhd [1995] 1 CLJ 561 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Employees Social Security Act 1969, ss. 2(5), 6(1), (8), 94(a)

Bagi pihak perayu - Ng Aik Guan (Beh Yong Hock bersamanya); T/n Beh & Assocs
Bagi pihak pendakwaraya - Hasila Awang; TPR

[Rayuan dari Mahkamah Majistret, Telok Datok; Kes Saman No: 87-324-2011]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Akhtar Tahir H:

[1] Tertuduh di dalam kes ini telah dituduh kerana gagal membayar kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial ('pertubuhan') caruman bagi pekerja bernama Mohd Hatta bin Mohd Soddin bagi bulan Mac, April dan Mei 2009. Ini merupakan satu kesalahan di bawah s. 94(a) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ('Akta').

[2] Keperluan bagi membayar caruman diperuntukkan di bawah s. 6(1) dan (8) Akta yang berbunyi demikian:

> 6. (1) Caruman yang kena dibayar di bawah Akta ini bagi seorang pekerja adalah terdiri daripada caruman yang kena dibayar oleh majikan ... dan hendaklah dibayar kepada pertubuhan
>
> (8) Caruman yang kena dibayar bagi tiap-tiap satu bulan hendaklah biasanya kena dibayar pada hari akhir bulan ...

[3] Adalah pra syarat untuk pembayaran caruman bahawa perlu ada perhubungan majikan dan pekerja. Ini adalah isu utama yang dipertikaikan dalam kes ini. Tertuduh berhujah bahawa Mohd Hatta bin Mohd Soddin ('SP1') bukanlah pekerja tertuduh tetapi adalah kontraktor bebas yang mempunyai perjanjian memberi perkhidmatan kepada tertuduh.

[4] Takrif 'pekerja' diberi di bawah s. 2(5) Akta yang antara lain berbunyi demikian:

> "pekerja" ertinya seorang yang diambil kerja dengan bergaji di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan dengan seorang majikan, samaada kontrak itu nyata atau tersirat ada atau dengan lisan atau dengan bertulis ...

[5] Sama ada seorang itu boleh digelar sebagai "pekerja" perlu dilihat dari fakta kes.

[6] Majistret yang bijaksana telah mengambil kira terma-terma kontrak di antara SP1 dan tertuduh dan keterangan lisan SP1 dalam mahkamah untuk menentukan fakta sama ada SP1 boleh dianggap sebagai "pekerja".

[7] Setelah meneliti kedua-dua keterangan ini dalam kes ini Majistret yang bijaksana telah mencapai keputusan berikut:

> Mahkamah berpendapat di sini bahawa, faktor ketiadaan faedah diberikan seperti cuti sakit bergaji, cuti tahunan dan sebagainya bukanlah faktor utama penyumbang kepada penentuan status pekerja. Mahkamah perlu mempertimbangkan fakta bahawa terdapat peratusan komisyen yang tetap dibayar setiap bulan iaitu 18% atau 19%. Selain itu juga pihak majikan atau syarikat menanggung keseluruhan kos operasi penghantaran lori yang digunakan seperti bahan api, servis dan penyelenggaraan. Fakta-fakta ini adalah relevan dan sudah memadai untuk membuktikan bahawa SP1 adalah seorang "pekerja" di bawah kontrak perkhidmatan tersebut. Walaupun jumlah bayaran komisyen bulanan yang diterima adalah tidak tetap (ada turun naik) yang mana bergantung kepada penghantaran yang dibuat, tetapi jumlah peratusan komisyen adalah suatu jumlah yang tetap.

[8] Mahkamah merujuk kepada kes *Great Eastern Mills Bhd v. Ng Yuen Ching & Ors* [1998] 3 CLJ 847 yang telah memutuskan:

> [3b] The respondents were lorry drivers for the applicant and some of them had been in the applicant's service for more than 20 years. They were paid remuneration or commissions according to the trips they made. Their lorries were maintained and fuel was supplied by the applicant. Further, the respondents were insured by the applicant against personal accident. These fact were sufficient to imply that the respondents were employed under contract of service.

[9] Selain di atas Majistret yang bijaksana juga mengambil kira bahawa ada unsur kawalan oleh tertuduh ke atas SP1 dari segi jadual penghantaran, cuti dan pemberian uniform dan topi. SP1 juga dilarang membawa barang-barang syarikat-syarikat lain. Syarikat juga diberi hak untuk menukar lori yang digunakan serta menukarkan SP1 ke mana-mana tempat pekerjaan. Majistret Yang Bijaksana telah juga mengambil kira ujian-ujian lain seperti ujian intergrasi dan organisasi, ujian keusahawanan dan ujian pelbagai untuk mencapai keputusan bahawa SP1 adalah seorang "pekerja".

[10] Mengambil kira keterangan keseluruhan saya bersetuju sepenuhnya dengan keputusan yang dicapai oleh Majistret yang bijaksana bahawa SP1 adalah "pekerja" bagi tujuan pembayaran caruman.

[11] Saya juga bersependapat dengan Majistret yang bijaksana bahawa tertuduh telah gagal membayar caruman seperti dikehendaki oleh Akta dan oleh itu telah melakukan satu kesalahan seperti dinyatakan dalam tuduhan.

[12] Saya mendapati hukuman yang dikenakan adalah sewajarnya dan tidak perlu diganggu. Saya juga bersetuju bahawa s. 94A Akta membolehkan mahkamah membuat perintah bahawa segala tunggakan caruman kepada jabatan perlu dibayar hasil dari sabitan ke atas tertuduh. Ini adalah prinsip yang telah diutarakan dalam kes *PP v. Kats Cleaning Services (S) Sdn Bhd* [1995] 1 CLJ 561.

[13] Sebagai keputusan muktamad dalam kes ini saya telah menolak rayuan terhadap sabitan dan hukuman oleh tertuduh.